

***Kumpulan nasyid** Nahwan Nur dari UPM yang menjadi finalis kategori seni budaya.*

# IPT berentap

ANUGERAH IKON VARSITI BH

**Oleh Basir Zahrom**
basir_zahrom@
bh.com.my

Putrajaya

Empat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mengungguli senarai finalis Anugerah Ikon Varsiti BH 2013 apabila masing-masing empat penyertaan universiti terbabit berjaya disenarai pendek.

Universiti terbabit ialah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Putra Malaysia UPM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

UPSI menyenaraikan finalis bagi kategori kepemimpinan, kesukarelawan dan reka cipta (dua), manakala UPM pula kategori kepemimpinan, sukan, pengantarabangsaan dan seni budaya.

Turut mengungguli ialah UMP menerusi kategori keusahawanan, inovasi sosial (dua) dan inovasi berkumpulan manakala finalis UIAM pula tersenarai bagi kategori kesukarelawan, pengantarabangsaan, khidmat sosial dan seni budaya.

**INFO**

**Jumlah Penyertaan Finalis Ikon Varsiti**

| Universiti | Jumlah |
|---|---|
| UPSI | 4 |
| UPM | 4 |
| UMP | 4 |
| UIAM | 4 |
| USIM | 3 |
| UTM | 2 |
| UUM | 2 |
| MSU | 2 |
| UiTM | 1 |
| UTHM | 1 |
| USM | 1 |
| UniMAP | 1 |
| RMCP, UniKL | 1 |

### Finalis tunggal

Selain itu, kehebatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut menyerlah apabila berjaya menyenaraikan finalis dalam tiga kategori iaitu inovasi (dua) dan khidmat sosial.

Tiga IPT lain ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Management & Science University (MSU) pula menyaksikan hanya dua penyertaan melepasi saringan ke peringkat akhir.

Sementara itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang sebelum ini mengungguli senarai finalis dan memenangi empat daripada 14 kategori pada Ikon Varsiti BH edisi pertama sekadar berpuas hati dengan seorang finalis.

Penyertaan finalis tunggal juga diwakili Kolej Perubatan Diraja Perak, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).




[illegible]